

16/07/2002

Dr Mahathir komited, tidak mudah menyerah kalah

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Kadir Dikoh; Misiah Taib; Wan Hazmir Bakar
KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja mesra dengan pekerja, malah tidak pernah memarahi atau menengking pegawai atau kakitangannya.

Sikap Perdana Menteri terhadap pekerjaannya itu diceritakan bekas pegawai khas dan Setiausaha Politik Dr Mahathir, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob serta Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Abdul Wahab.

Malah, Megat Junid dan Zakaria menganggap pengalaman bekerja dengan Dr Mahathir sebagai sesuatu yang menyeronokkan.

"Saya menghabiskan sebahagian besar hidup saya bekerja dengan beliau dan saya tidak pernah jemu bekerja dengan orang seperti beliau," kata Megat Junid apabila menceritakan pengalamannya berkhidmat selama 27 tahun dengan Perdana Menteri termasuk enam tahun ketika Dr Mahathir belum mengetuai kerajaan.

Megat Junid mula berkhidmat sebagai pegawai khas Dr Mahathir pada 1 Januari 1975, sebelum dilantik menjadi Setiausaha Politik pada 1976 hingga 1984.

"Pada 1985 dan 1986, saya menjadi Timbalan Menteri Perusahaan Utama dan antara 1986 hingga 1997, saya dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri, yang juga meletakkan saya terus di bawah Dr Mahathir kerana ketika itu Perdana Menteri adalah juga Menteri Dalam Menteri.

"Kerana terlalu seronok bekerja dengan Dr Mahathir lah, saya tidak teragak-agak menerima pelawaan Perdana Menteri untuk kembali bekerja dengannya apabila ditawarkan jawatan Ketua Penerangan Umno baru-baru ini," katanya.

Megat Junid berkata, sebagai seorang ketua, Dr Mahathir tidak pernah memarahi apa lagi menengking orang bawahan beliau.

Dari segi cara bekerja, katanya, Dr Mahathir sentiasa mahu orang bawahan serta kakitangannya menepati masa dan melaksanakan tugas yang diberi mengikut masa yang ditetapkan.

"Kalau kita boleh siapkan kerja yang beliau berikan lebih awal, beliau cukup suka dan beliau juga sentiasa memberikan nasihat.

"Beliau tidak pernah datang lambat ke pejabat. Setiap hari sebelum jam 8 pagi lagi beliau dah sampai ke pejabat dan beliau tidak pernah pulang cepat, paling cepat pun jam 6 petang," katanya.

Megat Junid berkata, Dr Mahathir juga seorang ketua dan pemimpin yang daya ingatannya cukup kuat.

"Apabila beliau atau orang lain mengatakan sesuatu, Perdana Menteri akan ingat sampai bila-bila.

"Dr Mahathir juga tidak mudah lupa dan sangat sayangkan rakyat serta negara. Cara beliau bekerja pun sentiasa pantas dan cekap," katanya.

Zakaria yang sudah 11 tahun bekerja dengan Dr Mahathir, pula berkata: "Sebagai Perdana Menteri, beliau begitu mengambil berat semua hal ehwal rakyat dan sebagai bos, Dr Mahathir amat profesional ketika bekerja."

Katanya, Perdana Menteri mahu apa juga tugas yang diberi, disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.

"Dia tak pernah marah atau tengking pekerja. Waktu bekerja dia memang hebat. Kita tak boleh ikut waktu beliau. Jam 7.45 pagi dia dah masuk kerja dan balik paling awal pun jam 6 petang.

"Banyak kali dia balik lepas jam 7 malam. Waktu itu jabatan lain di keliling sudah tidak ada orang lagi, tinggal pekerja di pejabat Perdana Menteri saja yang sibuk bekerja," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri juga mesra dan sentiasa ceria serta suka bergurau dengan kakitangannya.

Katanya, sepanjang bekerja dengan Dr Mahathir, beliau banyak belajar terutama dalam bidang penulisan, baik dalam bahasa Inggeris mahu pun bahasa Melayu.

"Dia banyak membantu menyunting teks ucapan yang saya buat misalnya. Dia memang cekap dan saya berani katakan Dr Mahathir jauh lebih hebat berbanding seorang pengarang," katanya.

Sementara itu, seorang lagi bekas Setiausaha Politik Dr Mahathir, Datuk Mohd Noor Yusof yang lebih dikenali dengan nama pena Nor Azam, berkata sejak dulu lagi Perdana Menteri sentiasa berusaha memperkasakan orang Melayu.

"Kepada beliau, masa depan orang Melayu bergantung kepada kekuatan bangsa. Jika orang Melayu kuat, segala warisan bangsa dapat dipertahankan, tetapi jika lemah orang Melayu tidak akan dapat mempertahankan apa-apa.

"Justeru, apa saja perkara yang boleh kuatkan dan kukuhkan orang Melayu akan dilakukan Perdana Menteri walaupun orang tidak setuju. Itulah perkara utama yang dilakukan Perdana Menteri sejak dulu lagi," katanya sambil menambah tidak ramai orang yang sedar perjuangan Dr Mahathir ini.

Mohd Noor yang berkhidmat sebagai pegawai khas Perdana Menteri selama dua tahun sejak 1980 dan kemudian sebagai Setiausaha Politik sehingga 1991 berkata, umum juga tidak menyedari komitmen Dr Mahathir terhadap agama Islam.

Katanya, Perdana Menteri sentiasa merujuk al-Quran dan kitab agama apabila mahu membuat sesuatu keputusan selama beliau memimpin negara, selain untuk meningkatkan pengetahuan agama.

Malah, katanya, apabila komputer mula dipasang di Jabatan Perdana Menteri, perkara pertama yang Dr Mahathir arahkan ialah supaya program al-Quran dimasukkan ke dalam komputer peribadinya bagi memudahkannya membuat rujukan.

"Saya pernah tengok beliau teliti kitab lama yang besar dan bercetak batu. Saya tanya dia baca kitab jugakah dan dia kata kalau kita nak tahu kita kena bacalah," katanya.

Mohd Noor berkata, seperti diketahui umum, Dr Mahathir amat komited dan tekun dalam menjayakan apa saja perancangan dan tidak mengenal erti takut atau menyerah kalah.

Katanya, Perdana Menteri juga sentiasa menasihati pemimpin lain serta pegawai kerajaan supaya yakin kepada kebolehan diri dan sentiasa berusaha memperbaiki diri.

"Dia selalu berpesan apa pun yang kita buat, walaupun kita tak begitu tahu atau cekap tetapi jika kita lakukan berulang-ulang, akhirnya perkara yang kita tidak tahu itu akan kita tahu dan kita akan jadi cekap dan pandai," katanya.